

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)			
1.	<u>Illegal plastic recycling plants - 'Operators shifted to other states'</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Customs: Don't even think about releasing plastic waste shipments</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Mukhriz: State govt first to take action against polluters</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Cradle Fund invests in TresGo</u>	Digital News Asia	Klik pada tajuk berita
5.	<u>No unloading of plastic waste cargo</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 1
6.	<u>Radiasi RF ancam keselamatan?</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 2
7.	<u>Cabaran Industri Pengurusan Tenaga</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 3
8.	<u>Pusat kena perjas isu syor saman kerajaan negeri</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 4
24 FEBRUARI 2019 (AHAD)			
9.	<u>Eksklusif: 25 sungai mati di empat negeri</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Kerajaan negeri bertindak jika ada pencemaran</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Kerajaan negeri juga akan disaman</u>	Berita Harian	Rujuk

			Lampiran 5
12.	<u>Kementerian adakan sesi pendengaran awam SOP</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 6
13.	<u>100 peratus penguatkuasaan</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 7
14.	<u>Engagement with Bauxite Stakeholders</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 8
15.	<u>'Operators shifted to other states'</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 9
23 FEBRUARI 2019 (SABTU)			
16.	<u>Kerajaan Pusat saman negeri</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
17.	<u>Ministry to get public feedback on improving bauxite mining SOP</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Bauksit: Proses libat urus diadakan, tambah baik SOP</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
19.	<u>YTL nafi tapak simen di Sentul jejas kawasan sekitar</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Proses pengeringan atap nipah</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
21.	<u>In brief: Malaysia's Vynn Capital nets investment for Southeast Asia fund</u>	Tech in Asia	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Jangan percaya! Alat jimat tenaga tak kurangkan bil elektrik</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Dua lombong haram dikesan</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 10
24.	<u>Unabated land clearing, mining mar Tasik Chini environment</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 11

25.	<u>GreenTech tambah 50 buah stesen charge</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 12
26.	<u>Ending the plastic scourge</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 13

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)			
27.	<u>Malakoff's net profit doubles to RM85.5 million</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Apabila matahari marah</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 14
29.	<u>Guntor terajui Gading Kencana</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 15
30.	<u>Ladang suria paling cekap di dunia</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 16
24 FEBRUARI 2019 (AHAD)			
31.	<u>71 mangsa banjir berada di pusat pemindahah Simunjan</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
23 FEBRUARI 2019 (SABTU)			
32.	<u>Innovative Spaces: Space for collaborative innovation in Cyberjaya</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
33.	<u>Authorities prep for dry spell in T'ganu, Perak</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)			
Tiada berita yang berkaitan			
24 FEBRUARI 2019 (AHAD)			
34.	<u>Cloud, Artificial Intelligence Transformations Are Cultural Transformations</u>	Forbes	Klik pada tajuk berita
35.	<u>It's time to panic, say young climate activists</u>	The Star	Rujuk Lampiran 17
36.	<u>300,000 galaksi tersembunyi ditemui</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 18
37.	<u>Sakura mekar awal di Jepun</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 19
23 FEBRUARI 2019 (SABTU)			
38.	<u>Microbiome Research Will Accelerate The Blue Biotechnology Industry</u>	Forbes	Klik pada tajuk berita
39.	<u>Gempa bumi kuat landa Ecuador</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
40.	<u>Obsession with plastic pollution distracts from bigger environmental challenges</u> <u>Climate change is a much more important issue</u>	Times of Malta	Klik pada tajuk berita
41.	<u>No single-use plastic by 2025</u>	The Star	Rujuk Lampiran 20

LAMPIRAN 1
NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 7
TARIKH: 25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)

'NO UNLOADING OF PLASTIC WASTE CARGO'

Customs Dept warns shipping agents against releasing plastic waste-laden containers

DAWN CHAN
PORT KLANG
cnews@nstp.com.my

THE Customs Department has issued a warning to shipping agents at seaports against releasing containers with imported plastic waste.

This followed the government's ban on the import of plastic waste, which took effect in July last year.

Customs director-general Datuk Seri T. Subromaniam said the department would

not release the containers unless one has an approved permit (AP).

"If it is plastic waste, there is no way they will get the AP.

"We have issued a strict order to shipping agents not to unload plastic waste cargo.

"Anybody who is found to have wrongly declared the cargo, for instance, if they bring in plastic waste and they declare it as 'good plastic' like polymers and resins, will have their forwarding agent licence revoked.

"Those are the steps we have taken to control the situation," Subromaniam told the *New Straits Times*.

He said there were more than 100 containers of plastic waste stranded at Westports here due to the

government's crackdown on plastic waste.

On the value of the containers, Subromaniam said it was impossible to put a figure.

"This is rubbish. So how can we put a value to it?," he said.

He said the department would ensure no plastic waste was brought into the country.

"We want to make sure that Malaysia is not used as a dumping ground. We are going all out.

"We are working with the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry and National Solid Waste Department Management on this," he said.

It was reported yesterday that 120 con-

tainers, some of which have yet to be declared or were falsely declared, have been left stranded in Penang Port for months.

Penang Customs Department director Datuk Saidi Ismail described the situation as serious as the port did not have space to store the containers.

He said a quick solution was needed.

He said no declarations were made as the containers required an AP.

He was quoted as saying that the agents must first declare whether the containers contained rubbish or plastic waste.

They have been left at the port here after the importers failed to produce the AP to bring in the items or have falsely declared the items as recycling waste when in fact it was rubbish, resulting in the authorities seizing the containers.

Investigations were underway with 16 investigation papers opened so far.



Datuk Seri T.
Subromaniam

LAMPIRAN 2

SINAR HARIAN (INOVASI): MUKA SURAT 6

TARIKH: 25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)

Radiasi RF ancam keselamatan?

AGENSI NUKLEAR BANGUNKAN AREFCERT, SALUR MAKLUMAT ARAS RADIASI RF KEPADA ORANG AWAM

KITA sering mendengar orang ramai bimbang untuk tinggal berhampiran struktur pemancar telekomunikasi.

Sebabnya apa? kerana mereka begitu bimbang tentang radiasi yang dihasilkan oleh struktur pemancar tersebut.

Kebiasaannya struktur pemancar telekomunikasi didirikan berhampiran kawasan kediaman dan kawasan komersial tetapi ada juga didirikan di dalam kawasan sekolah.

Mereka keliru dan tidak mendapat maklumat yang tepat tentang fakta mengenai radiasi RF tersebut selain mahu mengetahui sekiranya dedaahan radiasi tersebut berada pada paras selamat ataupun tidak.

Bertitik tolak dengan permasalahan tersebut, Agensi Nuklear Malaysia mempunyai peranan yang besar dalam menangani isu radiasi RF ini.

Di agensi ini, terdapat unit Sinaran Tidak Mengion di bawah Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Sinaran. Fungsi utama unit tersebut adalah untuk menangani isu sinaran tidak mengion (NIR) di Malaysia.

Kumpulan penyelidik di NIR diketuai Pengurus Kumpulan NIR Agensi Nuklear Malaysia, Roha Tukimin telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang NIR, latihan, program kesedaran awam dan

perkhidmatan penilaian keselamatan NIR, meliputi aspek keselamatan sinaran frekuensi radio (RF) dan sinaran lampu rendah elektromagnetik (ELF EMF).

Kumpulan penyelidik berkenaan, baru-baru ini telah berjaya membangunkan sebuah sistem yang dipanggil AREFCERT bagi tujuan menyalurkan maklumat aras radiasi RF yang dihasilkan oleh struktur pemancar telekomunikasi kepada orang awam.

Radiasi mempunyai dua jenis

Menurut Roha, bila bercakap mengenai radiasi atau sinaran, ia mempunyai dua jenis iaitu sinaran mengion (ionising radiation) dan sinaran tidak mengion (non-ionising radiation).

"Radiasi atau sinaran dihasilkan oleh struktur pemancar telekomunikasi merupakan sinaran tidak mengion, ia merupakan sinaran bertenaga rendah, tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk menyebabkan proses pengionan yang boleh memecahkan ikatan molekul dalam badan manusia.

"Radiasi yang dihasilkan struktur pemancar telekomunikasi merupakan gelombang radio dan berfungsi pada frekuensi tertentu. Ia lebih dikenali sebagai radiasi frekuensi radio (RF).

"Namun, isu hangat yang dibangkitkan oleh orang awam ialah isu radiasi RF. Mereka sangat bimbang



PENYELIDIK sedang melakukan R&D dan keselamatan sinaran frekuensi radio (RF) dan sinaran lampu rendah elektromagnetik (ELF EMF).

memandangkan ia adalah pancaran secara berterusan. Walaupun ia radiasi NIR, orang awam tetap risau ia akan menjejaskan kesihatan," katanya.

Kajian patuhi had dedaahan umum

Antara peranan penting Agensi Nuklear Malaysia adalah menjalankan kajian aras radiasi yang dihasilkan oleh struktur pemancar telekomunikasi. Katanya, kajian ini adalah untuk mengumpulkan data aras radiasi dan memastikan ia mematuhi had dedaahan untuk orang awam yang dibenarkan oleh Piawaian Mandatori oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan International Commission on Non-Ionising Radiation Protection (ICNIRP).

"Agensi Nuklear Malaysia juga menawarkan perkhidmatan penilaian aras keselamatan radiasi RF kepada penyedia rangkaian komunikasi (NSP) memandangkan isu ini semakin mendapat perhatian ramai.

"Ia adalah untuk memastikan aras radiasi sentiasa mematuhi had dedaahan dibenarkan dan memastikan persekitaran tempat tinggal yang selamat untuk orang awam," katanya.

Perkenalkan sistem AREFCERT

Selain menjalankan penilaian keselamatan NIR, kami juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan bidang ini.

Katanya, pihaknya menyedari bahawa aspek penyampaian maklumat kepada orang awam adalah sangat penting.

"Oleh itu, kami telah membangunkan sebuah sistem dipanggil AREFCERT bagi menyalurkan maklumat aras radiasi RF yang dihasilkan oleh struktur pemancar telekomunikasi kepada orang awam.

"Orang awam boleh mengimbas kod QR yang mengandungi maklumat aras radiasi bagi setiap pemancar telekomunikasi berhampiran kawasan kediaman mereka," katanya.

Tambahnya, Agensi Nuklear telah menjalankan penilaian aras radiasi NIR sejak akhir tahun 90-an. Ia dijalankan kerana isu-isu berkaitan radiasi yang



PENYELIDIK sedang melakukan R&D dan keselamatan sinaran frekuensi radio (RF) dan sinaran lampu rendah elektromagnetik (ELF EMF).

dikatakan boleh menjejaskan kesihatan.

"Walaupun kajian dan penilaian keselamatan dijalankan, orang awam tidak mempunyai saluran untuk mengakses maklumat secara terus.

"Kini orang awam boleh mengakses maklumat tersebut menerusi satu sistem dan mereka boleh mengakses serta mendapat maklumat aras radiasi, sijil pengukuran radiasi, lokasi pengukuran aras dedaahan, masa pengukuran aras radiasi RF dan gambar struktur pemancar telekomunikasi.

Katanya, setakat ini, sistem ini telah digunakan di negeri Melaka dan AREFCERT merupakan platform terbaik untuk menyampaikan maklumat aras radiasi RF, seterusnya merupakan saluran penyampaian kerajaan yang berkesan kepada rakyat.



ROHA (tengah) bersama pasukan yang membangunkan AREFCERT bagi menyalurkan maklumat aras radiasi RF yang dihasilkan oleh struktur pemancar telekomunikasi kepada orang awam.

LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (BESTARI): MUKA SURAT 47
TARIKH: 25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)

CABARAN INDUSTRI PENGURUSAN TENAGA

Perlu
kepakaran
banyak pihak
pada masa
akan datang

Fazurawati Che Lah
fazurawati@media-
prima.com.my

Senario industri tenaga global sedang melalui fasa perubahan yang memerlukan input daripada pelbagai pihak.

Cabaran dari aspek pengurusan sumber dan sisa, penyelidikan punca tenaga boleh baharu dan keperluan yang tidak pernah susut terhadap modal insan berkemahiran perlu ditangani semua pemain industri.

Peningkatan populasi dunia sudah pasti memberikan beban lebih tinggi terhadap keperluan sumber tenaga

baharu, boleh baharu dan kecekapan tenaga.

Oleh itu, lebih ramai Pengurus Tenaga Bertauliah (CEM) dan Pengurus Tenaga Profesional (PEM) diperlukan terutama dalam ekonomi dunia membangun.

Pensyarah Sains Kanan Institut Sains Biologi (ISB), Universiti Malaya (UM), Dr Zul Ilham Zulkiflee Lubes berkata, dalam situasi harga minyak global yang tidak menentu sekarang, sudah pasti kerjaya dalam bidang tenaga terutama eksplorasi (penjelajahan) minyak dan gas mengalami cabaran.

Namun katanya, industri berkaitan tenaga boleh ba-

haru dan kecekapan tenaga semakin meningkat naik.

"Terdapat beberapa kemahiran yang perlu dikuasai mereka yang berminat menceburi karier bidang tenaga untuk terus bersaing dan kekal relevan terutama berkaitan kemahiran menganalisis data, trend serta pengurusan sumber.

"Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) turut ditekankan dalam bidang pengurusan projek dan ini boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan," katanya.

Dr Zul Ilham berkata, untuk mengurus tenaga, seseorang harus memiliki

sekarang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan atau sains, sekali gus melayakkan mereka diiktiraf CEM.

"Mereka juga harus menjalani kursus profesional anjuran **GreenTech Malaysia dan Suruhanjaya Tenaga** bagi pelantikan CEM atau PEM.

"Buat masa ini, terdapat beberapa program TVET selari dengan keperluan tenaga, tetapi pada masa akan datang, perlu banyak lagi pengkhususan yang lebih relevan," katanya.

Di Eropah, graduan TVET memenuhi keperluan pasaran juruteknologi tenaga, servis pengurusan tenaga dan pemindahan teknologi tenaga alternatif.

"Menerusi sokongan berterusan daripada kerajaan terhadap pengurusan sumber tenaga yang lebih mapan dan lestari, peluang pekerjaan juga pasti menunjukkan trend positif," katanya.

Dr Zul Ilham berkata, pelbagai program berbentuk perkongsian pengalaman dan kepakaran dianjurkan bersama pengamal industri untuk pembangunan pelajar institusi pengajian tinggi.

Baru-baru ini, syarikat multinasional, Exxon Mobil Exploration and Production Malaysia Inc (EMEPMI) meluahkan masa berkongsi ilmu dalam bidang pengurusan tenaga bersama-sama pelajar jurusan Bioteknologi dan Sains Pengurusan Alam Sekitar UM.

Forum berbentuk dua



DR ZUL ILHAM

hala itu disampaikan Pengurus Aset EMEPMI, Hazizi Hassan. Program yang diadakan di ISB, Fakulti Sains universiti itu dikenali Energy Outlook dan dihadiri lebih 40 pelajar.

Selain penerangan khusus berkenaan bidang pengurusan tenaga, peserta turut didedahkan dengan keperluan modal insan yang sentiasa tersedia secara am dalam bidang berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Menurut Hazizi, pihaknya sentiasa mengintal peluang untuk berkongsi maklumat dengan penyelidik dan pelajar institusi pengajian tinggi terutama berkaitan cabaran serta peluang yang boleh diambil setiap individu yang terbabit dalam industri ini.

"Pihak kami sentiasa berminat untuk menyumbang kepada ekosistem masyarakat yang cakna sains dan teknologi," katanya.



PELAJAR dan penceramah jemputan bergambar selepas forum tamat.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 14
TARIKH: 25 FEBRUARI 2019 (ISNIN)



Mandi sungai sejukkan badan

Sekumpulan kanak-kanak menyejukkan badan dengan bermandi-mandi di Sungai Kemensah, Selangor, semalam. Ia berikutan cuaca panas yang melanda negara dengan suhu 34 hingga 36 darjah Celsius berbanding suhu biasa 32 hingga 34 darjah Celsius.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Pusat kena perjelas isu syor saman kerajaan negeri

➔ Projek perlu kelulusan Kerajaan Persekutuan sebelum dilaksana

Oleh Petah Wazzan Iskandar, Muhammad Yusri Muzamir dan Nurul Fhatimah Zakinan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan Persekutuan perlu menjelaskan lebih terperinci berhubung cadangannya untuk menyaman kerajaan negeri yang dikatakan terlibat dengan pencemaran alam sekitar.

Di **Kubang Pasu**, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata Kedah sentiasa tegas dalam memastikan sungai di negeri itu bebas dari sebarang pencemaran alam sekitar bagi memastikan sumber air mentah terjamin bersih untuk kegunaan rakyat.

Katanya, kerajaan negeri sen-

tiasa memantau perkembangan semasa bagi memastikan sumber bekalan air sentiasa bersih dan tidak tercemar dari sebarang aktiviti komersial ataupun domestik.

"Kita amat berhati-hati dengan perkara ini (pencemaran) sebab sungai adalah sumber bekalan air utama untuk pertanian dan kegunaan harian.

Sentiasa pantau

"Perkara ini sangat diambil berat dan kita sentiasa memantau. Jika terdapat aktiviti pencemaran, kita (kerajaan negeri) paling awal ambil tindakan.

"Sebarang tindakan, penguatkuasaan dibuat, kita tidak akan tunggu kementerian atau Pusat bertindak dahulu," katanya selepas merasmikan program bersama pemimpin sempena Kursus Induksi MPKK Kedah di Dewan Wawasan, di sini, semalam.

Di **Georgetown**, EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh, berkata Kerajaan Persekutuan perlu lebih spesifik apa yang dimaksudkan dengan kesilapan kerajaan negeri itu kerana cadangan projek berskala kecil atau mega dirangka kerajaan negeri perlu melalui proses mendapatkan kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Katanya, impak sesebuah projek juga dinyatakan dalam laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan, sebelum kerja pembinaan dijalankan.

"Jadi, bagaimana Kerajaan Persekutuan mahu klasifikasi kesalahan pencemaran alam sekitar ini berpunca atau dilakukan kerajaan negeri? Ia sangat luas dan perlu pendefinisian, adakah ia membabitkan projek haram?"

"Ia tak adil jika saman dikemukakan ke atas kerajaan negeri hanya kerana beberapa projek haram. Kerajaan Persekutuan sebaliknya perlu menyerahkan writ saman terbabit kepada pengendali premis terbabit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Semalam, **BH** melaporkan kerajaan negeri boleh berdepan tindakan saman Kerajaan Persekutuan, jika premis atau projek pembangunan di negeri masing-masing didapati menjadi punca pencemaran alam sekitar.

Ia bagi memastikan semua pihak mematuhi peraturan ditetapkan menerusi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan kerajaan negeri terbabit dalam pencemaran akan dikenakan

tindakan dan sebanyak mungkin pertuduhan mengikut undang-undang sedia ada.

Jalankan siasatan segera

Mengenai empat sungai di Pulau Pinang diklasifikasikan dalam Kelas Lima, Boon Poh berkata, pihaknya akan mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang menjalankan siasatan segera mengenai perkara berkenaan.

Di **Melaka**, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Tey Kok Kiew berkata, kementerian perlu mengkaji semula keputusan menguatkuasakan Akta Alam Sekeliling 1974 yang membolehkan saman dikenakan ke atas kerajaan negeri.

Ia bagi memastikan pelaksanaannya kelak tidak membekalkan mana-mana pihak.

"Saya rasa, mereka (kementerian) perlu kaji kaedah terbaik bagi memastikan kualiti alam sekitar terjamin dan terkawal.

"Bagaimanapun, saya yakin, kerajaan akan membuat kajian dan keputusan terbaik dalam hal ini," katanya.

Kok Kiew, berkata, setakat ini semua projek dilaksanakan di negeri ini mematuhi semua syarat dan peraturan membabitkan kualiti alam sekitar.

LAMPIRAN 5 BERITA HARIAN (EKSKLUSIF!): MUKA SURAT 1 & 12 TARIKH: 24 FEBRUARI 2019 (AHAD)



25 sungai mati di empat negeri

EKSKLUSIF!

S: YB boleh kenal pasti berapa banyak sungai kita yang sudah tercemar dan disenaraikan di Kelas Lima iaitu pencemaran yang paling teruk?

J: Ada banyak sungai Kelas Lima di empat negeri iaitu Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Melaka. Semua negeri yang paling kaya (tetapi) sungai kotor di Kelas Lima. Empat negeri ini sahaja yang mempunyai sungai di tahap Kelas Lima. Ada 25 sungai Kelas Lima di empat negeri ini.

S: Sungai Kelas Lima dikategorikan pencemaran paling teruk dan dianggap sungai hampir mati. Bagaimana langkah untuk mengatasinya, berapa kos diperlukan untuk membaik pulih?

J: Susah nak bersihkan sungai. Bersihkan sungai bukan bidang kuasa saya tetapi di bawah Dr Xavier Jayakumar (Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli), tetapi tengok teknologi yang sedia ada ia akan ambil kos besar. Sebab itu yang pertama ialah kita perlu elak pencemaran. Apabila sudah tercemar, sangat susah (untuk baik pulih). Ia mungkin mampu bersih, tetapi ia membabitkan jangka panjang dan kos tinggi. Saya bagi contoh sungai yang berjaya dipulihkan ialah sungai di Singapura yang dahulu kotor dan busuk; tetapi kini sungai itu bersih dan ada ikan, binatang yang sebelum ini tiada, sudah datang balik. Kesedaran (di Singapura) sangat tinggi, Marina Bay Sands adalah loji air, tetapi kini boleh jalankan aktiviti air atas loji air. Kalau loji air di KL, kita tengok beza, kesedaran tiada. Apabila kita ada undang-undang, orang kata undang-undang zalim, tidak baik, tetapi apabila pergi ke Singapura kata baik, kenapa kerajaan tidak ambil tindakan. Tindakan pertama ialah pendidikan kesedaran. Jadi, sekarang kita lebih kepada pendidikan.

S: Empat negeri ini semua negeri maju dan tertinggi dalam ekonomi dan perindustrian, tetapi mempunyai sungai yang sangat kotor?

J: Itu bermaksud apabila kita membangunkan industri, perkara ini (pencemaran sungai) tidak unik, bukan berlaku di negara kita sahaja, negara lain juga hadapi masalah sama. Apabila kita membangun, kita abaikan alam sekitar, selepas itu baru sedar kena pulihkan. Sekarang ke arah perindustrian, kita kena tahu apa impak alam sekitar sebab kalau kita nak pulih situasi dahulu, kena kos tinggi, jadi kesinambungan pembangunan penting.

S: Kalau 25 sungai itu yang disenaraikan Kelas Lima,

Apakah selepas keadaan semakin buruk, baru kita sedar untuk menjaga alam sekitar, memulih semula kawasan atau sungai yang tercemar? Setakat ini, 25 sungai iaitu, 16 sungai di Johor, lima di Lembah Klang, tiga di Pulau Pinang dan satu di Melaka dikategorikan sebagai Kelas Lima, iaitu pencemaran teruk, menjadikan keseluruhan sebanyak 32 sungai disenaraikan dalam kategori Kelas Empat dan Kelas Lima. **Ikuti temu bual eksklusif wartawan BH Ahad, JUNITA MAT RASID bersama Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC), Yeo Bee Yin, yang berkongsi kebimbangan tahap pencemaran sungai di negara ini.**

bagaimana nak jadikan Kelas Empat. Kos macam mana?

J: Saya tidak tahu kos, tetapi kena tengok pencemaran berpunca sumber dari mana, sama ada boleh dikawal atau sumbernya tahap apa yang menyebabkan Kelas Lima. Ada yang boleh dipulih cepat dan ada tidak boleh dipulihkan dengan kos rendah. Untuk kita fokus tahun ini, tengok yang mana paling mudah dipulihkan. Kita hendak tengok daripada 25 sungai ini. Kalau lima kita boleh kawal, sudah sangat baik. Kalau kawal daripada sumber, sudah boleh dipulihkan, tetapi ada juga yang tidak dapat pulih.

S: Sungai Kelas Lima maknanya akan ada sungai mati jika tiada langkah segera dijalankan untuk memulihkan pencemaran. Mungkin tempoh setahun dua ini akan ada lebih banyak sungai disenaraikan sebagai sungai mati?

J: Kelas Lima belum mati tetapi sungai dalam Kelas Lima termasuk sungai yang sudah mati. Daripada ini kita perlu kajian lagi yang mana sungai sudah mati, sebab ia kelas terendah. Ada sungai yang sudah mati, kita sedang buat analisis. Saya sasarkan lima sungai sahaja yang kita boleh betul-betul kawal pencemaran.

S: Sesuatu memalukan bagi negeri maju apabila mempunyai 25 sungai disenaraikan Kelas Lima?

J: Bagi saya, setiap negara atau bandar pernah mengalami situasi ini. Apabila membangunkan ekonomi, mereka mengabaikan alam sekitar. Selepas tahu dan pulih, akan ada pembartungan lestari. Kita dalam proses ini, kita bukan unik berbanding negara lain. Contohnya Sungai Thames di London juga sama. Dahulu sangat kotor sebab membangunkan dengan cepat. Selepas itu dia sedar. Kita sama sahaja, setiap bandar akan mengalami status ini. Status kita sekarang ialah kita sudah faham dan sedar.

Selepas itu kita akan menjadi lebih baik sebab sudah sedar dan akan ambil tindakan. Seperti negara maju lain, kita boleh memulihkan sungai kita, tetapi

akan mengambil masa 20 hingga 30 tahun, tetapi kalau kita dapat tingkatkan Kelas Lima kepada Kelas Empat untuk lima sungai tahun ini yang ada pencemaran tertentu, kita sudah bagus. Ada juga yang tidak dapat atasi apabila semua tanah, air tercemar, itu tak boleh (pulih) sebab tak tahu punca pencemaran. Yang paling senang ialah untuk kita mencari punca sumber pencemaran untuk penguatkuasaan dan baik. Kita akan buat analisis dahulu.

S: Masalah sampah hanyut di laut adalah akibat langsung daripada pencemaran sungai kita yang teruk?

J: Semua itu daripada penguatkuasaan dan pencemaran. Kesedaran, pendidikan penting, saya rasa kalau pergi ke Jepun, orang kata Jepun tiada tong sampah tetapi tengok tiada sampah di Jepun sebab orang masukkan sampah dalam beg dan membuangnya apabila balik ke rumah. Kesedaran ini penting. Saya sangat optimis sebab generasi muda ada kesedaran alam sekitar yang lebih baik. Jadi, saya rasa lebih baik menggunakan pendekatan pendidikan, selain peranan kerajaan dan media yang menyampaikan mesej pemuliharaan alam sekitar. Setiap negara maju memang seperti ini, proses negara membangun nak jadi maju.

S: Ada sungai yang boleh dipulihkan?

J: Makan kos besar. Apa yang kita boleh bantu ialah kawal pencemaran. Oleh itu, kalau sungai Kelas Lima, kalau bukan dari punca sumber boleh dikenal pasti, saya tidak rasa boleh pulih.

S: Sungai Kelas Empat juga banyak?

J: Saya sudah membentangkan senarai ini dalam Kabinet, dua minggu lalu. Saya bukan boleh pulihkan pencemaran. Sukar. Untuk negara lain, menteri yang jaga JAS (Jabatan Alam Sekitar) adalah menteri yang sama jaga konservasi, perhutanan, binatang, air, pencemaran dan pengurusan sisa pepejal di bawah satu sahaja menteri alam sekitar, tetapi saya jaga Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan

Iklim dan Alam Sekitar, jaga satu sahaja. Jadi, kita perlu koordinasi (dengan Kementerian berkaitan).

S: Bagaimana YB melihat keseluruhan tahap kualiti air sungai di negara kita?

J: Kualiti air sungai di Malaysia dinilai berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan dan diterjemahkan dalam bentuk Indeks Kualiti Air (IKA) bagi mengelakkan tahap kebersihan, kegunaan dan pencemaran air sungai sama ada ia 'Bersih', 'Sederhana Tercemar' atau 'Tercemar'. Berdasarkan data program pengawasan kualiti air sungai di 471 sungai di Malaysia, 32 sungai diklasifikasikan sebagai tercemar Kelas Empat dan Kelas Lima. Semua 32 sungai ini menunjukkan dua parameter utama, iaitu Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan Ammonia Nitrogen (NH3N) berada di tahap tinggi dan melebihi standard ditetapkan di negara ini. Parameter ini menunjukkan punca utama kerosot kualiti air sungai adalah disebabkan oleh air kumbahan.

S: Mengenai Kementerian, boleh YB jelaskan inisiatif yang dijalankan dan sasaran pelaksanaannya.

J: Setiap inisiatif ada KPI (petunjuk prestasi utama). Setiap suku tahun, kita kena tengok inisiatif adakah sudah capai berapa peratus. Kita ada sasaran, kita tak mesyuarat saja, tanpa ada tindakan. Apa yang kita mahu ialah tindakan di peringkat bawah, tindakan dan beri impak kepada rakyat. Setakat ini, ada 77 inisiatif mungkin sampai hujung tahun akan ada 100 lebih inisiatif, tetapi kita lebih sistematik. Selepas itu, apa kita nak buat, sampai hujung tahun sekurang-kurangnya kita capai 75 hingga 80 peratus, tetapi ini tindakan semua ini ada impak yang kita memang ukur, kita kira boleh pulihkan pencemaran kita dengan KPI ini sebab kita hendak buat inisiatif untuk menetapkan arah kepada Kementerian.

S: Ada berapa sektor dalam inisiatif yang dikenal pasti?

J: Ada tiga iaitu sektor tenaga, sektor sains, teknologi dan inovasi serta sektor alam sekitar dan

perubahan iklim. Ketiga-tiga ini setiap satu sektor ada 20 lebih inisiatif pada masa ini, satu lagi secara umum. Kita tidak sahaja mahu mencapai KPI tetapi untuk kita capai dengan keputusan yang baik atau buat dengan cemerlang. Bagaimana nak buat? Kita kena ada satu budaya kerja baik. Inisiatif ini juga bagaimana nak buat MESTECC sebagai tempat kerja terbaik, sebab kita nak pastikan budaya. KPI tidak akan memotivasikan seseorang untuk mencapai yang terbaik tetapi budaya kecermerlangan, disiplin dan integriti. Nilai MESTECC adalah integriti kecermerlangan dan fokus masa depan, kita nak nilai ini dibudayakan di MESTECC untuk mencapai semua inisiatif ditetapkan. Banyak inisiatif boleh dibuat. Bagi saya, yang paling penting sekarang ialah buat budaya kerja di Kementerian supaya kita dapat pencapaian yang terbaik kerana apabila kita buat yang terbaik, rakyat akan dapat terbaik daripada kita.

S: Ada inisiatif jangka pendek yang membabitkan langkah kerajaan PH menunaikan janji dalam manifesto Pilihan Raya Umum (PRU)?

J: Satuannya mengenai tenaga boleh diperbaharui (RE). Dalam manifesto RE dalam perjanjian elektrik menjelang tahun 2025. Sekarang semua rancangan untuk mencapai matlamat dan kita sudah buat pembaharuan. Kita ada 33 Megawatt (MW) untuk dapat 30 peratus RE tidak termasuk hidro besar. Kalau ada, hidro besar 35 peratus, kita menjelang 2025. Ini ada dalam manifesto. Keduanya untuk menurunkan pelepasan karbon, ketiga manfaatnya ialah RE boleh menjana lebih banyak pekerjaan. Contohnya, kalau penjaian api dari arang batu, gas, ia boleh jana jauh lebih rendah kepada tenaga boleh diperbaharui, jadi kalau kita boleh ada RE, bermaksud lebih banyak pekerjaan. Jadi, ada tiga manfaat untuk menyelamatkan dunia. Dalam manifesto juga kita mahu kesinambungan kelestarian alam sekitar. Satuannya nak buat penguatkuasaan daripada segi pencemaran. Orang yang cemarkan sungai. Kita tetapkan sasaran 100

LAMPIRAN 5 (SAMB) BERITA HARIAN (EKSKLUSIF!): MUKA SURAT 13 TARIKH: 24 FEBRUARI 2019 (AHAD)



peratus peningkatan kes pen-
kuatkuasaan untuk pencemaran
bagi mengawal pencemaran tahun
ini dan tahun depan kita mahu
100 peratus lagi. Kita memang
bersungguh-sungguh menguatkuasa-
sakan Akta Kualiti Alam Sekitar.
Dulu kalau awak cemar alam awak
tak takut kerana penguatkuasaan
pun tidak ada, penguat kuasa tak
tahu atau dapat bagi (rasuah) sikit,
kes selesai. Kali ini kita mahu
meningkatkan penguatkuasaan.

S: Isu perubahan iklim kali pertama diletakkan di bawah kementerian YB. Langkah itu dijalankan bagi membantu masalah pencemaran juga?
J: Ini sebab kenapa kita buat kementerian perubahan iklim, pertama kali dalam sejarah kementerian ini diwujudkan. Kita nak adaptasi kalau ada pemanasan global 2 Celsius akan bawa impak sangat negatif kepada rantai makanan, cuaca kita. Cuaca termasuk taburan hujan dan juga air, semua ini ada impak. Bagaimana kerajaan dan negara nak adaptasi senario 2 Celsius ini. Pada tahun ini, kita buat Pusat Perubahan Iklim untuk mitigasi dan adaptasi. Secara keseluruhannya ia bagi menyediakan negara untuk lebih bersedia sedia kepada fenomena perubahan iklim, supaya lebih ramai rakyat Malaysia tahu apa itu perubahan iklim.

S: Pusat Perubahan Iklim ini bila akan dibuka?

J: Kita akan buat sebelum akhir tahun ini. Pusat itu tak penting tetapi apa yang lebih penting ialah kerja yang dibuat. Apa yang penting, kerja apa yang boleh dibuat. Bila saya jadi menteri, pertama saya tengok kita ada banyak pelan tindakan, hala tuju, semua ada, tetapi pelaksanaan tidak ada. Jadi, kita saja, bukan rancangan dalam kertas sahaja. Memang kena ada rancangan, tetapi lebih penting, kena ada tindakan, bila ada pelan kita kena buat. Ini penting.

S: Mengenai dana Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) MESTECC bagi membiayai projek penyelidikan oleh usahawan dan penyelidik bertujuan meningkatkan

pertumbuhan ekonomi negara dan memberi kesejahteraan kepada masyarakat. Bagaimana sambutanannya?

J: Dana tak banyak. Setiap kali kita buat R&D dan cadangan untuk buat R&D, apa yang kita kurang ialah strategi dan pembahagian peruntukan secara strategik. Semua baik, tetapi bila tidak ada lebih menyeluruh, ia tiada nilai. Apa yang kita buat ialah kita tengok peruntukan R&D apa yang bidang strategik untuk kerajaan melabur dari segi R&D. Kita tidak bagi sewenang-wenangnya, kita lebih strategik, apa bidang lebih manfaat kepada pembangunan negara dan pembangunan. Peruntukan R&D dalam MESTECC tidak banyak berbanding dalam peruntukan R&D di Kementerian Pendidikan. Jadi, apa yang kita buat lebih kepada industri dan ekonomi.

S: Agensi Akademi Sains Malaysia ada usaha untuk menarik minat saintis Malaysia menyumbang kepada penyelidikan sains dan teknologi di Malaysia. Boleh YB kongsi lebih lanjut perubahan dan peranan yang akan dilakukan?

J: Tahun ini kita akan adakan satu inisiatif iaitu kerajaan akan kongsi penyelidikan dengan syarikat swasta. Kita sasaran 100 penyelidikan MESTECC diletakkan ke industri, tidak payah bayar gaji (kerana) gaji bawah MESTECC tetapi akan guna penyelidikan. Sasaran kita ada dua iaitu pertama supaya boleh membantu syarikat dengan penyelidikan yang kita ada dan kedua supaya penyelidikan tahu apa permintaan, apa yang diperlukan oleh industri supaya tidak buat penyelidikan syok sendiri, membazir, tidak guna kepada ekonomi. Mereka (penyelidik) kena faham industri dan pasaran. Kita juga akan buat program lain supaya penyelidikan kerajaan boleh berhubung lebih rapat dengan industri supaya ada jambatan penghubung.

S: Malaysia masih ketinggalan dalam amalan kitar semula. Pelbagai kempen sudah digerakkan oleh kerajaan dan swasta, namun kesedaran untuk kitar semula dalam kalangan rakyat dikatakan masih belum memuaskan. Langkah drastik yang dijalankan oleh MESTECC?

J: Program kitar semula ini di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kita ada buat program kesedaran juga. Saya rasa rakyat tahu mengenai amalan kitar semula sebab di sekolah kita buat. Penting untuk kita ada pelan komunikasi media sosial dan media massa untuk menceritakan mengenai alam sekitar, perubahan iklim. Ini (kitar semula dan alam sekitar) terletak di bawah tiga kementerian iaitu KPKT, MESTECC dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Tiga kementerian yang membuat kesedaran kempen, tetapi untuk MESTECC, kita lebih kepada media sosial dan media massa.

Kakitangan berjiwa rakyat permudah tugas menteri

S: YB menjadi menteri wanita paling muda, iaitu berusia 36 tahun. Sebelum ini menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor paling muda juga pada 2013 hingga 2018 apabila memenangi Dewan Undangan Negeri (DUN) Damansara Utama ketika berusia 29 tahun. YB kini menerajui Kementerian Besar dan menguruskan 30 agensi. Boleh kongsi pengalaman dan cabaran dihadapi, mungkin ada petua atau resipi yang menjadi pegangan?

J: Bagi saya, bila kita nak jadi pemimpin muda, menteri muda ketika semua pegawai terutama KSU (Ketua Setiausaha) sudah hampir usia bersara dan mempunyai pengalaman luas, yang paling penting kita kena tahu apa yang kita buat. Sebelum masuk ke kementerian ini, saya teliti dulu dasar sebab kena tahu. Bagaimana pun, setakat tahu itu hanya sekadar pengetahuan tetapi pengalaman saya tiada. Pengalaman adalah kelemahan saya jadi bagaimana nak atasi ini ialah dapatkan orang berpengalaman menjadi pembantu untuk menjadi penasihat, kita dengar daripada mereka. Itu (kurang pengalaman) adalah kelemahan tetapi kita kena mengukut kita tiada pengalaman. Ada juga kelebihan orang muda iaitu kita lebih tenaga, dinamik dan kita mempunyai kepimpinan yang berbeza yang menjadi satu dari pengalaman dan misi. Orang muda mampu lebih banyak pencapaian, kita mempunyai minat, cita-cita dan mahu mencapai lebih banyak daripada apa yang ada.

Oleh kerana kita tiada pengalaman, kita tiada had. Kita tengok ramai orang kata sesuatu perkara tidak boleh dibuat sebab sudah ada pengalaman mengenainya, tetapi orang muda lebih berani untuk berubah dan kita tidak melihatnya sebagai sebagai had, sebaliknya kita melihatnya untuk mencapai lebih baik. Bila sudah ada pencapaian, kita tetapkan kita kena tahu ada kelemahan, kita kena tahu untuk menjadi pemimpin yang efektif. Saya perlu gunakan kelebihan tetapi saya juga perlu atasi kelemahan dengan strategik seperti mendapatkan pembantu pengalaman untuk menasihati, bantu saya, itu sangat penting. Antara cara yang saya gunakan kalau nak jadi orang pakar, contohnya mengenai industri elektrik, saya akan minum dengan orang berpengalaman, dia akan berkongsi pengalaman selama dua jam dan saya akan dengar dan cuba mengingatkannya. Selepas

itu, saya akan ulang apa yang mereka cakap. Bila orang tanya, saya sudah tahu, perkataan yang digunakan pakar dan kita tahu. Sebab itu ada peribahasa Cina kata 'Sangat penting untuk mempunyai guru'. Guru itu maksud orang tua yang mempunyai pengalaman. Sebab itu bila saya bersembang selama dua jam, saya dapat pengalaman 20 tahun, dapat input, (tetapi) kena tahu soalan ditanya dan mendengar. Dengar itu penting, dengar dan faham dan boleh belajar dengan cepat, tak boleh curi tulang, baca, kena tahu, kena rajin.

S: Bagaimana YB membahagikan masa antara berpolitik, sebagai menteri dan keluarga?

J: Bagi saya, pengurusan masa itu penting, uruskan kerja kita. Kita kena tahu apa yang paling penting untuk pemimpin buat iaitu buat keputusan. Jadi saya akan buat graf, saya jurutera, jadi saya buat cara jurutera. Apa yang sangat kritikal dan apa yang perlu disegerakan. Bila kritikal dan perlu segera, saya akan buat dengan cepat, buat dengan terperinci dan buat keputusan. Bila kritikal dan tak perlu segera, maksud saya ada masa, tetapi perlu cepat buat keputusan sebab kritikal dan kalau buat tergesa-gesa, ia bukan terbaik.

Ada yang tidak kritikal, tetapi perlu segera, yang itu kalau saya tak ada masa, orang lain boleh buat sebab tidak kritikal. Sebab kalau keputusan salah ia tidak kritikal. Apa yang saya tak boleh



Saya memang sibuk, tetapi jangan abai keluarga. Keluarga sangat penting, tidak boleh abai orang penting sebab akhirnya keluarga yang akan bersama kita selamanya. Jadi menteri hanya untuk dua tahun atau lima tahun tetapi menjadi menteri juga penting sebab tanggungjawab dan kita menjalankan amanah rakyat. Sebab itu sibuk. Jangan buat-buat sibuk perkara yang kecil"

buat, saya akan minta orang lain buat. Kalau perlu segera dan kritikal, saya kena buat. Ada yang tidak perlu segera dan tidak kritikal, saya tidak perlu buat. Jadi kita akan ada masa. Saya sentiasa tengok orang yang tidak ada masa ini ialah orang yang tidak ada pelan.

S: Bagaimana masa bersama keluarga?

J: Saya memang sibuk, tetapi jangan abai keluarga. Keluarga sangat penting, tidak boleh abai orang penting sebab akhirnya keluarga yang akan bersama kita selamanya. Jadi menteri hanya untuk dua tahun atau lima tahun tetapi menjadi menteri juga penting sebab tanggungjawab dan kita menjalankan amanah rakyat. Sebab itu sibuk. Jangan buat-buat sibuk perkara yang kecil. Menteri buat yang penting, yang tidak penting saya elak tetapi saya masih belajar, saya tidak akan buat-buat sibuk.

